

21 JUN 2002

Umno-Hishammuddin

PEMUDA UMNO AKAN KERJASAMA DENGAN PEMUDA PERSATUAN MELAYU SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan menjalin kerjasama dengan Pemuda Persatuan Melayu Kebangsaan Singapura (PKMS) bagi mengkaji sistem dan kaedah pendidikan di Singapura yang telah lama mengamalkan sistem meritokrasi.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata kerjasama itu akan diwujudkan secara hubungan parti dengan parti.

"Kita cuma ingin menimba pengalaman dan bertukar-tukar fikiran dengan pemuda Melayu Singapura mengenai beberapa perkara dan antaranya ialah mengenai sistem pendidikan dan imej umat Islam sekarang," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi PKMS di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Rombongan 27 anggota diketuai presiden PKMS Borhan Ariffin berada di sini sebagai jemputan pada Perhimpunan Agung Umno yang sedang berlangsung.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno akan bekerjasama dengan semua negara-negara jiran dalam pelbagai bidang kerana perjuangan Umno bukan sahaja untuk mengatasi masalah-masalah dalam negara.

Katanya kerjasama dengan negara-negara luar adalah menepati peringatan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pergerakan Pemuda Umno mengenai perjuangan parti itu yang perlu diperluaskan selaras dengan konsep globalisasi.

"Rakyat di negara-negara jiran juga menghadapi cabaran yang sama dalam era globalisasi dan disebabkan itu, satu kerjasama sebagai persiapan menghadapi cabaran baru itu haruslah diwujudkan,"kata beliau.

Beliau berkata hubungan Pemuda Umno dengan PKMS telah lama wujud dan adalah menjadi tanggungjawab barisan pelapis Umno untuk meneruskan hubungan itu.

Terdahulu Ketua Pemuda PKMS Ismail Ibrahim berkata lawatan rombongan parti itu ke negara ini telah lama dirancang bagi membincangkan usaha dan kerjasama yang boleh diwujudkan antara kedua-dua pihak.

"PKMS juga ingin mempelajari dan menimba pengalaman mengenai beberapa perkara daripada Umno," katanya.

-- BERNAMA

AZE ZS RHM